


ETIKA PROFESIONAL DALAM PENGURUSAN USAHAWAN: SATU ANALISIS KAJIAN LAPANGAN

Ahmad bin Esa
Keleja Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)
Beg Berkunci 101,
86400 Parit Raja, Batu Pahat.
(Tel.: 07-4546822/ Fax: 07-4546090/E-mel: aneh98@hotmail.com)

1.0 PENGENALAN

Dalam pengurusan, dua unsur utama yang penting meningkatkan produktiviti dan pulangan ialah sistem pengurusan dan sumber. Namun difikirkan dua unsur tersebut masih memerlukan unsur tambahan bagi menjamin matlamat yang optimum. Unsur tersebut ialah etika profesional. Umumnya etika profesional merujuk kepada satu set peraturan yang bercirikan profesional dan dipersetujui bersama oleh setiap anggota. Saling kebergantungan antara sumber dan sistem pengurusan dengan etika profesional digambarkan menerusi rajah berikut,



Rajah 1: Hubungan Antara Etika Profesional Dengan Sumber Dan Sistem Pengurusan Dalam Mencapai Matlamat. (Diubahsuai daripada sumber: Mustafa Daud (1996). M.s. 1)

Merujuk kepada rajah 1, dapatlah dijelaskan bahawa saling perkaitan antara sumber, sistem pengurusan dan etika profesional dapat menyokong pencapaian matlamat. Matlamat usahawan tentunya meningkatkan produktiviti dalam penghasilan produk/perkhidmatan sekaligus menjana keuntungan. Dalam konteks ini, Abdul Aziz Mohamed (1991) menyatakan usaha meningkatkan produktiviti tidak akan berjaya sepenuhnya jika usaha membentuk etika yang tinggi di kalangan pekerja diabaikan kerana produktiviti (yang bergantung kepada sumber dan sistem pengurusan) tidak akan membawa keuntungan jika kegiatan pecah amanah, rasuah, penindasan dan kezaliman berlaku dalam sesebuah organisasi.

'Etika yang tinggi' merujuk kepada profesional. H. As. Mahmoodin (1994) profesional ialah *a person who does something with great skill*. Dalam konteks kertas

kerja ini membawa maksud usahawan sepatutnya memiliki etika profesional dalam pengurusannya. Menurut Muhammad Shabri Abd. Majid (2001), produktiviti kerja akan lebih mudah tercapai dengan adanya profesionalisme kerja. Pentingnya profesional dalam meningkatkan produktiviti telah diakui oleh Rasulullah saw sejak dulu seperti dirakamkan dalam hadis yang bermaksud, “ Allah sangat mencintai apabila seseorang melakukan sesuatu perbuatan, maka ia melakukannya secara profesional.” (Hadis riwayat Bukhari)


1.1 Konsep Etika Pengurusan Usahawan.

Menurut Mustafa Haji Daud (1996), sarjana pengurusan mendefinisikan etika sebagai sains moral dan prinsip moral yang menentukan tindakan seseorang itu baik atau buruk. Jiwa Mohd. Isa (1991) pula menyatakan apabila nilai etika bersumberkan wahyu, maka ianya dipanggil akhlak. Dalam konteks kajian ini etika yang diketengahkan adalah berkaitan dengan pengurusan usahawan yang pastinya menceburi bidang perniagaan, khususnya usahawan Islam. Oleh itu diperturunkan ringkasan daripada beberapa penulis yang menyentuh ciri-ciri etika yang perlu ada pada usahawan dalam melaksanakan perniagaan dan menuju kepada matlamat mencapai keuntungan. Dicatatkan juga teori-teori etika umum yang difikirkan relevan dalam pengurusan usahawan. Rujuk rajah 2 di sebelah.

Daripada rajah tersebut secara umumnya etika pengurusan usahawan dapat dikategorikan kepada dua, pertama: etika yang bercirikan membina budaya pengurusan usahawan yang berkesan seperti menunaikan janji, jujur, amanah dan menjaga kebajikan dan kedua: etika yang bercirikan wawasan kecemerlangan profesional usahawan seperti Teori Vitalisme (antara penentuan etikanya ialah mempunyai kemahuan yang kuat), sikap bersungguh-sungguh, ingin meningkat ke tahap yang lebih tinggi, bersikap positif dan memahami situasi ekonomi semasa. Ini bermaksud penulis-penulis tersebut menyarankan ciri-ciri yang perlu dipraktikkan oleh usahawan untuk menjadi lebih profesional. Profesional dalam kertas kerja ini merujuk kepada kebolehan seseorang individu melakukan kerja dengan mahir, meminimumkan kesalahan dan kesilapan, mengurus masa dan kos dengan optimum dan dapat memenuhi kehendak individu-individu lain yang berurusan dengannya seperti pekerja dan pelanggan. Menurut Osman Ayub (1990) profesional ialah sebahagian daripada budaya kerja yang menjurus membina kemampuan dan kebolehan organisasi dalam mencapai matlamat yang ditetapkan dengan cara yang paling cekap dan paling berkesan.

Berdasarkan pengertian tersebut ditegaskan seseorang usahawan perlu mengamalkan etika profesional untuk mendapat pulangan yang maksimum dan bagi usahawan Islam pulangan yang diperolehi perlu juga mengambil kira kehidupan akhirat. Dalam konteks inilah usahawan sewajarnya mengamalkan etika profesional seperti meningkatkan kemahiran pengurusan dan memberi peluang kepada pekerja untuk menimba kemahiran dengan mengikuti kursus-kursus yang berkaitan. Usahawan juga sewajarnya menunjukkan etika profesional dalam mengurus kebajikan pekerja. Mustafa Haji Daud (1994) menyenaraikan antara nasib malang golongan pekerja ialah disekat mendapat pekerjaan, dihalang kenaikan pangkat, diberhentikan kerja dan kezaliman ke atas pekerja: Memaksa pekerja bekerja lebih masa, tidak menerima gaji yang setimpal dan keadaan persekitaran kerja yang tidak memuaskan. Di samping itu, adalah perlu bagi seseorang usahawan mengamalkan etika profesional dalam pengurusannya dengan berusaha meminimumkan kerugian akibat kecuaiian dengan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat.

Rumusannya, adalah diyakini sekiranya seseorang usahawan dapat mengeksplotasi saranan-saranan ciri-ciri etika yang dikemukakan sama ada dalam konteks pengurusan semasa atau perancangan masa depan pastinya matlamat yang ditetapkan dapat dicapai.



Rajah 2: Ciri-Ciri Etika Dalam Pengurusan Usahawan

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pengurusan usahawan menjadi fokus dalam kajian ini kerana berdasarkan beberapa premis. Antaranya ialah kepentingan usahawan dalam memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ini adalah selari dengan aspirasi Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang menyatakan untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang progresif, rakyat Malaysia harus mengambil beberapa langkah yang positif. Salah satu daripada usaha-usaha yang disarankan ialah menumpukan aktiviti yang berkait dengan perniagaan (Jaafar Muhamad, 1993). Kepentingannya di peringkat nasional tidak dapat dinafikan dengan wujudnya Kementerian Pembangunan Usahawan yang mempunyai objektif, “menyediakan persekitaran yang membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing dalam semua sektor serta memupuk budaya keusahawanan di kalangan rakyat.” Misinya, “membantu mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.” (<http://www.kpun.gov.my/UMUM/Index.htm>). Keprihatinan kerajaan terutamanya dalam membantu usahawan bumiputera disokong dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan menerusi kewujudan Tabung Pemulihan Usahawan dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) (<http://www.kpun.gov.my/sumber/pmkongrs/htm>). Oleh itu adalah sewajarnya usahawan menggunakan peluang yang disediakan oleh kerajaan untuk memacu ekonomi negara melawan arus globalisasi.

Namun begitu, isu-isu berkaitan kegagalan usahawan, khususnya usahawan bumiputera kerap ditegur oleh Perdana Menteri. Antaranya ialah ketika Perasmian Perhimpunan Agung UMNO 2001,

“Sepatutnya dengan bantuan kerajaan yang begitu besar, matlamat meningkatkan bahagian bumiputera kepada 30 peratus daripada ekonomi negara tercapai. Malangnya orang Melayu dan bumiputera lain tidak mempunyai budaya perniagaan. Walaupun ada yang berjaya sehingga dapat memiliki perniagaan dan perusahaan yang agak besar, tetapi majoriti daripada orang Melayu gagal mengekal dan membesarkan perniagaan mereka. Segala bantuan dan peluang gagal menjayakan matlamat sepenuhnya DEB.”

(<http://www.utusan.com.my>)

Antara faktor yang dikenal pasti ialah bumiputera gagal menguasai bidang pengurusan (<http://www.kpun.gov.my/sumber/pmpunb.htm>). Menyentuh soal penguasaan pengurusan, bukan sahaja menjadi punca kepada kegagalan usahawan di Malaysia tetapi juga menjadi punca kepada kegagalan perniagaan kecil di seluruh dunia. Contohnya seperti yang dinyatakan oleh Anvari dan Gopal (1983) dalam Aisyah Abdul Rahman (2001), kegagalan firma-firma kecil di Kanada berpunca daripada masalah pengurusan. Faktor yang sama juga dikemukakan oleh Azmi Abdul Manaf (2001) terhadap kegagalan usahawan perniagaan kecil. Oleh itu adalah jelas setakat fakta yang dikemukakan di atas, menunjukkan kombinasi sumber yang cukup dengan pengurusan yang cekap adalah aset utama membantu kejayaan usahawan.

Di samping itu adalah diyakini bahawa setakat kombinasi sumber dan pengurusan adalah tidak mencukupi untuk mencapai matlamat usahawan seperti ditegaskan oleh Osman Ayub (1990), matlamat yang realistik, suasana kondusif, peralatan-peralatan termoden, persediaan modal yang tidak pernah menimbulkan masalah tidak akan membawa pengertian bagi sesebuah organisasi seandainya manusia yang mengendalikannya tidak bersedia untuk memberikan yang terbaik. Dalam konteks inilah etika profesional diperlukan untuk menjadi komponen tambahan kepada sumber dan pengurusan. Seperti yang ditegaskan oleh Perdana

Menteri, perniagaan dan perusahaan memerlukan etika yang baik (<http://www.kpun.gov.my/sumber/pmpunb.htm>).

Keprihatinan Perdana Menteri berkaitan etika adalah lanjutan daripada kes-kes penyelewengan yang berlaku dalam dunia keusahawanan dan perniagaan. Misalnya, Jiwa Mohd. Isa (1991) yang mengemukakan kewujudan konsep 'Ali Baba' dan "Mat Jenin" di kalangan peniaga bumiputera dan antara corak penipuan ialah mengurangkan sukatan dan timbangan. Mustafa Haji Daud (1994) yang menyatakan tingkah laku bertentangan dengan nilai dan etika meluas seluruh dunia. Antaranya seperti menyalahgunakan kuasa, mengambil kesempatan untuk kepentingan diri dan perbuatan yang tidak selari dengan etika, norma, moral dan undang-undang sesebuah negara. Perkara ini turut diperkatakan oleh Perdana Menteri apabila beliau menyatakan bahawa dalam dunia perniagaan wujud peniaga dan pengusaha yang kaya raya kerana menipu seperti Robert Maxwell, Charles Keating dan Michael Milken (<http://www.kpun.gov.my/sumber/pmkongrs/htm>). Persoalannya walaupun mereka mencapai matlamat adakah matlamat yang lebih syumul iaitu menyeimbangkan keberuntungan dunia dan akhirat tercapai? Dalam konteks menjawab persoalan tersebutlah etika profesional yang menepati tuntutan agama dan persekitaran budaya Malaysia sangat-sangat diperlukan.

Menyentuh keperluan kewujudan etika, sebenarnya di Malaysia seolah-olah wujud gelombang kesedaran di kalangan pemimpin dan pengurus berkaitan keperluannya. Misalnya dalam membendung gejala rasuah dalam politik, kepimpinan UMNO telah mewujudkan Kod Etika Perilaku Pemilihan UMNO Mei 2000, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mewujudkan Kod Etika Kerja JPJ untuk mengatasi isu lesen terbang, pihak industri memperkenalkan Kod Amalan Industri 2001 untuk memberi kesedaran kepada pihak majikan, pekerja dan mengurangkan risiko kematian ketika bekerja di ruang terkurung dan dalam dunia perniagaan yang para usahawan terlibat secara langsung Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mewujudkan Etika Perniagaan Islam. Adalah diyakini dengan kewujudan etika tersebut unsur-unsur penyelewengan dapat dikekang seperti yang ditegaskan oleh Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, apabila peniaga mempunyai etika yang tinggi (profesional) dan mementingkan tanggungjawab sosial serta tidak hanya mementingkan keuntungan, penguatkuasaan undang-undang juga tidak diperlukan kerana peniaga telah tahu batas-batasnya (Berita Harian, 9 Mei 2000). Ini bersesuaian dengan pandangan yang dikemukakan oleh Abdul Aziz Mohamed (1991) yang menyatakan bahawa etika dapat memainkan peranan seperti kata pepatah, 'Prevention is better than cure,' dan Osman Ayub (1990) yang menyatakan etika dan profesionalisme dapat membentuk keampuhan dan kekuatan ciri-ciri dalam manusia. Menyedari hakikat tersebut, Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat, antara lain telah mengemukakan resolusi penerapan nilai budaya dan agama ke arah membina insan Bumiputera berdaya saing (<http://www.Kpun.gov.my/sumber/index.htm>)

Berdasarkan premis-premis yang dinyatakan iaitu kepentingan usahawan dalam pembangunan ekonomi negara, kegagalan usahawan memanfaatkan peluang yang diberi dan kewujudan gelombang kesedaran kepentingan etika di peringkat nasional dan organisasi, maka timbul minat penulis untuk menganalisis kajian lapangan yang dihasilkan oleh mahasiswa kendalian penulis berkaitan dengan etika profesional di kalangan usahawan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif kajian adalah seperti berikut,

- a) Mengenal pasti pengetahuan etika profesional di kalangan usahawan.
- b) Mengenal pasti kesedaran kepentingan etika profesional di kalangan usahawan.
- c) Mengenal pasti bentuk-bentuk etika profesional yang diamalkan oleh usahawan.
- d) Mengenal pasti penyelewengan etika yang berlaku di kalangan usahawan.

4.0 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini adalah terfokus kepada organisasi-organisasi dan pihak persendirian yang menepati konsep usahawan iaitu mereka yang mengusahakan sesuatu produk atau perkhidmatan berdasarkan kemahiran atau input yang dimiliki untuk mencapai matlamat keuntungan melalui bidang perniagaan di dalam daerah Batu Pahat, Johor.

5.0 METODOLOGI

Seramai 48 usahawan bentuk persendirian dan organisasi yang merangkumi pelbagai bidang telah terlibat dalam kajian ini. Instrument kajian ialah soal selidik dan maklumbalas temuduga yang terdapat dalam hasil penulisan kajian lapangan yang telah dijalankan. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan program SPSS versi 10 untuk mendapatkan peratusan dan min mengikut objektif kajian yang ditetapkan. Tafsiran min yang digunakan adalah seperti berikut,

Jadual 1: Tafsiran Min

Skor Min	Tafsiran
1.0 – 2.3	Tidak setuju/tidak memuaskan
2.4 – 3.7	Kurang setuju/ sederhana
3.8 – 5.0	Setuju/Baik

Sumber: Diubahsuai daripada Lendell, K (1997)

Prosedur kajian ialah menganalisis hasil laporan kajian lapangan yang telah dijalankan oleh mahasiswa yang mengambil kursus Etika Profesional kendalian penyelidik. Laporan kajian lapangan yang menjadi sumber kepada penyelidik melibatkan 5 semester iaitu, semester 1 sesi 1999/2000, semester 2 sesi 1999/2000, semester 1 sesi 2000/2001, semester 2 sesi 2000/2001 dan semester 1 sesi 2001/2002.

6.0 LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian ini adalah seperti berikut,

- a) Kajian ini dilaksanakan dengan menganalisis hasil kajian lapangan yang dijalankan oleh mahasiswa. Oleh itu penyelidik tidak terlibat secara langsung dengan subjek kajian yang dijalankan.
- b) Dalam usaha mengenal pasti bentuk penyelewengan yang berlaku dalam pengurusan usahawan kaedah 'dengar cakap' sama ada menerusi soal selidik atau sesi temuduga digunakan oleh mahasiswa.

7.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan- dapatan daripada analisis kajian lapangan adalah seperti berikut,

a) Pengetahuan Etika Profesional Dalam Pengurusan Usahawan

Jadual 2: Jumlah Dan Peratusan Pengetahuan Etika Profesional Dalam Pengurusan Usahawan.

	Melaksanakan	Tidak Melaksanakan
Tahu	28 (58%)	1(2%)
Tidak Tahu	13 (27%)	6(13%)

Merujuk Jadual 1, maklum balas temuduga yang diterima daripada kalangan usahawan dapatlah dirumuskan seperti berikut,

- i. Tahu dan melaksanakan etika profesional.
- ii. Tahu dan tidak mahu melaksanakan etika profesional.
- iii. Tidak tahu dan ingin melaksanakan etika profesional.
- iv. Tidak tahu dan tidak ingin melaksanakan etika profesional.

b) Kesedaran Kepentingan Etika profesional Dalam Pengurusan Usahawan.

Bagi mengenal pasti kesedaran kepentingan etika profesional dalam pengurusan usahawan, beberapa aspek yang berkaitan dengan peningkatan profesionalisme usahawan telah dikenal pasti sepanjang kajian lapangan di jalankan iaitu seperti berikut,

i. Peningkatan Kemahiran Pengurusan Usahawan.

Jadual 3: Min Peningkatan Kemahiran Pengurusan Usahawan

ITEM	MIN
Bersedia mengikuti kursus pengurusan usahawan	3.62
Mempelajari kemahiran mengurus daripada usahawan lain	3.11
Sentiasa berusaha memperbaiki etika pengurusan	3.74
Membiayai kos meningkatkan kemahiran pengurusan	2.14
Mengisi masa lapang mengikuti kursus kemahiran pengurusan	2.80
MIN KESELURUHAN	3.08

Merujuk kepada min keseluruhan dalam Jadual 3 di atas didapati min persetujuan responden adalah sederhana iaitu 3.08. Min yang paling tinggi ialah 3.62 yang merujuk kepada pernyataan bersedia mengikuti kursus pengurusan usahawan manakala min paling rendah iaitu 2.14 yang bermaksud responden tidak bersetuju untuk membiayai kos meningkatkan kemahiran pengurusan.

ii. Peningkatan Pembangunan Sumber Manusia

Jadual 4: Min Peningkatan Pembangunan Sumber Manusia

ITEM	MIN
Menghantar pekerja mengikuti latihan	3.26
Membiayai kos latihan pekerja	2.79
Menunjuk ajar pekerja dalam aspek pengurusan	3.58
Menggalakkan pekerja baru belajar daripada pekerja lama	4.12
MIN KESELURUHAN	3.44

Jadual 4, menunjukkan hanya satu pernyataan yang dipersetujui oleh responden iaitu menggalakkan pekerja baru belajar daripada pekerja lama dengan min 4.12 manakala bagi tiga pernyataan lain menunjukkan persetujuan yang sederhana

dengan min masing-masing 3.58, 3.26 dan 2.79. Min keseluruhan adalah 3.44 yang bermaksud amalan peningkatan pembangunan sumber manusia responden dalam kajian ini adalah sederhana.

iii. Peningkatan Pengurusan Sumber Manusia

Jadual 5: Min Peningkatan Pengurusan Sumber Manusia

ITEM	MIN
Berusaha mengambil berat kebajikan pekerja	4.23
Memastikan upah pekerja dibayar mengikut masa ditetapkan	4.76
Memastikan agihan kerja mengikut kemahiran pekerja	3.96
Merancang pekerja bekerja dengan pengawasan minimum	4.32
MIN KESELURUHAN	4.32

Min bagi setiap item di dalam jadual 5 di atas adalah di antara 3.96 dan 4.76 dan ini bermaksud responden memberikan persetujuan kepada setiap item yang dikemukakan. Min Keseluruhan ialah 4.32 yang bererti amalan peningkatan pengurusan responden dalam kajian ini adalah baik.

iv. Langkah Keselamatan

Jadual 6: Min Langkah Keselamatan

ITEM	MIN
Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat	3.12
Sentiasa mengingatkan pekerja tentang aspek keselamatan	1.63
Menyediakan papan tanda amaran berkaitan keselamatan	3.19
Peka kepada keselamatan alam sekitar	2.31
Menghantar pekerja mengikuti latihan keselamatan	1.19
Memeriksa aspek pendawaian secara berjadual	1.57
Mengambil berat kepada keselamatan kenderaan	3.56
Menyediakan pakaian keselamatan untuk pekerja	1.27
MIN KESELURUHAN	2.23

Daripada jadual 6 di atas, didapati hanya pernyataan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat (min 3.12), menyediakan papan tanda amaran berkaitan keselamatan (min 3.19) dan mengambil berat kepada keselamatan kenderaan (min 3.56) yang menunjukkan responden memberi persetujuan pada tahap sederhana manakala bagi item yang lain responden tidak memberikan persetujuan. Min keseluruhan ialah 2.23 yang menunjukkan aspek mengambil langkah keselamatan di kalangan responden adalah tidak memuaskan.

v. Kursus Kepentingan Etika Profesional

Jadual 7: Min Kursus Kepentingan Etika Profesional

ITEM	MIN
Memberi kursus etika kepada pekerja	1.31
Menghadiri kursus berkaitan dengan etika pengurusan	1.59
Menghantar pekerja untuk mengikuti kursus etika	1.26
Mengadakan perbincangan berkaitan etika dengan pekerja	2.64
MIN KESELURUHAN	1.70

Jadual 7 menunjukkan min keseluruhan ialah 1.70 yang bermaksud kesedaran

tentang kepentingan kurus Etika Profesional di kalangan responden adalah tidak memuaskan. Pernyataan yang menunjukkan persetujuan sederhana di kalangan responden hanyalah, mengadakan perbincangan berkaitan etika dengan pekerja (min 2.64) manakala bagi pernyataan yang lain, responden tidak memberikan persetujuan dengan min masing-masing 1.31, 1.26 dan 1.59.

c) Kewujudan Bentuk-Bentuk Etika

Daripada analisis kajian lapangan yang dijalankan, didapati bentuk-bentuk etika yang wujud adalah seperti berikut,

i. Bentuk bertulis

Etika bentuk bertulis bermaksud usahawan-usahawan yang terlibat dalam kajian lapangan mempunyai set etika bercetak yang dibukukan dan mempunyai tajuk seperti Kod Etika Perniagaan Syarikat, Kod Etika Kakitangan, Tunggak 12 dan Etika Pengurusan. Bentuk etika bertulis ini pula terbahagi kepada dua iaitu sama ada menggunakan etika yang telah sedia wujud atau digubal sendiri oleh usahawan. Antara contoh etika bertulis dalam jadual berikut,

Jadual 8: Bentuk Etika Bertulis.

Tunggak 12	Digubal Sendiri *
1. Menghargai masa	1. Sedia menerima teguran
2. Ketekunan membawa kejayaan	2. Bekerja dengan dedikasi
3. Keseronokan bekerja	3. Peka dengan teknologi
4. Kemuliaan kesederhanaan	4. Ketegasan membuat keputusan
5. Ketinggian peribadi	5. Memahami matlamat organisasi
6. Kekuatan sifat baik hati	6. Sentiasa bersikap profesional
7. Pengaruh teladan	7. Keharmonian hubungan manusia
8. Kewajipan menjalankan tugas	8. Menggalakkan latihan
9. Kebijaksanaan berhemat	9. Perkhidmatan berkualiti
10. Keutamaan kesabaran	10. Mengutamakan pelanggan
11. Peningkatan bakat	
12. Nikmat mencipta	

*Nota: Gabungan daripada tiga syarikat milik usahawan bukan bumiputera.

ii. Bentuk tidak bertulis

Bentuk etika tidak bertulis merujuk kepada situasi wujudnya persetujuan amalan etika secara tidak bertulis antara pekerja dan majikan dalam sesebuah organisasi. Walaupun kewujudan etika tersebut tidak secara hitam putih tetapi dipraktikkan oleh pekerja dan majikan dan seolah-olah wujud perjanjian (*mutual understanding*) di antara mereka dan menjadi budaya dalam sesebuah organisasi. Maklumat ini diperoleh sama ada menerusi temuduga atau soal selidik yang dikemukakan kepada pekerja dan majikan. Contohnya seperti berikut,

Jadual 9: Etika Tidak Bertulis

Usahawan	Pekerja
Menggalakan hubungan staf	Mengadakan aktiviti antara pekerja
Menggunakan hak milik syarikat secara minimum	Menggunakan hak milik syarikat apabila memerlukan
Masa pekerja bekerja fleksibel	Bekerja mengikut keperluan
Penampilan personaliti pekerja positif	Menampilkan imej diri yang kemas
Mengharapkan pekerja setia	Mengharapkan majikan tidak memberhentikan mereka

iii. Etika Bentuk lain

Etika bentuk lain membawa maksud segala dokumen atau rujukan yang diguna pakai oleh usahawan dan pekerjanya tetapi tidak menggunakan tajuk etika, misalnya undang-undang dan peraturan sesebuah organisasi. Antara etika bentuk lain yang ditemui dalam analisis kajian lapangan yang dijalankan ialah,

- Piagam Pelanggan
- Polisi Syarikat
- Panduan Perkhidmatan
- Peraturan Keselamatan
- Peraturan Pejabat
- Undang-undang Syarikat
- Undang-undang perniagaan
- Prosedur Kakitangan
- Panduan Tatatertip
- Peraturan Kerja
- Polisi Perniagaan
- Piagam Syarikat

d) Bentuk Penyelewengan Etika.

Berdasarkan analisis kajian lapangan yang dijalankan didapati satu daripada faktor yang menyebabkan berlakunya ketidakberkesanan dalam pengurusan usahawan ialah apabila kewujudan etika hanya dalam bentuk 'mutual understanding'. Ini adalah kerana terdapat penemuan-penemuan yang menunjukkan etika yang diharapkan oleh usahawan dipraktikkan oleh pekerjanya diberikan tafsiran dan amalan yang berbeza oleh pekerja atau wujudnya jurang maklumat antara usahawan dan pekerjanya. Beberapa contoh yang telah ditemui dikemukakan seperti berikut,

Jadual10: Penyelewengan Etika Bentuk Tidak Bertulis.

Usahawan	Pekerja
Tidak menggunakan hak milik syarikat	Menggunakan hak milik syarikat
Menepati janji dengan pelanggan tidak secara terpilih	Menepati janji dengan pelanggan secara terpilih
Sanggup bekerja lebih masa apabila dibayar	Tidak sanggup bekerja lebih masa walaupun dibayar
Menghormati pesaing	Tidak menghormati pesaing
Berusaha meningkatkan kemahiran	Tidak berusaha meningkatkan kemahiran
Personaliti pekerja yang menarik	Tidak menampilkan personaliti yang menarik

Selain daripada itu, berdasarkan analisis kajian lapangan yang dijalankan, penulis dapati secara konsisten sepanjang 5 semester mengendalikan kursus Etika Profesional, pelajar melaporkan dalam kajian lapangan masing-masing berkenaan wujudnya penyelewengan seperti dalam jadual berikut,

Jadual 11. Jenis-Jenis Penyelewengan Etika

PENYELEWENGAN	CONTOH-CONTOH
Rasuah	Menerima dan memberi wang Menerima dan memberi hadiah
Diskriminasi	Antara bangsa Antara jantina Antara negeri Antara status pekerjaan
Gangguan Seksual	Antara pekerja dengan pekerja Antara usahawan dengan pekerja
Pecah Amanah	Menjual hak milik syarikat Mengambil wang syarikat
Pengurusan Masa	Usahawan: Lewat menepati janji dengan pelanggan. Lewat membayar gaji pekerja. Pekerja: Lewat hadir dan balik awal Berehat pada waktu bekerja Bertanggung melakukan pekerjaan

8.0 KESIMPULAN

a) Rumusan

Daripada analisis data yang dijalankan dapatlah dirumuskan bahawa terdapat aspek positif dalam etika profesional pengurusan di kalangan usahawan yang menjadi subjek dalam kajian ini. Aspek tersebut ialah berkaitan kesedaran mereka untuk meningkatkan pengurusan sumber manusia, terutamanya dalam konteks membayar upah bekerja mengikut masa yang telah ditetapkan. Etika sedemikian adalah selari dengan maksud hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar yang bermaksud seseorang buruh hendaklah dibayar upah sebelum kering peluhnya dan Yusuf Al-Qardawi(1996) pula menyentuh tentang keburukan seseorang yang suka menangguh pengurusan masa.

Hasil kajian juga menunjukkan penemuan aspek yang negatif dalam etika profesional pengurusan usahawan. Dua aspek major tersebut ialah berkaitan dengan keselamatan dan kepentingan kursus etika profesional. Dalam aspek keselamatan didapati kesedaran usahawan yang terlibat dalam kajian ini adalah tidak memuaskan. Malang adalah tidak berbaur, oleh itu adalah sewajarnya para usahawan memberi penekanan utama dalam aspek tersebut. Menurut Mustafa Haji Daud (1994) adalah menjadi tanggungjawab majikan (usahawan) menjaga keselamatan pekerjanya. Mementingkan keselamatan juga sebenarnya dapat meminimumkan kerugian luar jangka.

Daripada segi kepentingan kursus etika profesional didapati usahawan yang terlibat dalam kajian ini tidak memberi penekanan kepada aspek tersebut sama ada kepada diri sendiri atau pekerja dan dapatan awal kajian juga menunjukkan terdapat usahawan yang tidak tahu dan tidak melaksanakan etika (mungkin mereka tidak faham pengertian etika atau etika profesional walaupun mereka menguatkuasakan peraturan dan undang-undang. Perlu diingatkan etika adalah berbeza dengan peraturan

dan undang-undang). Sepatutnya mereka menyedari kepentingan menghadiri kursus etika ini adalah kerana menurut sejarah Etika Kong Fu Tse dan Ikhwan Safa dalam Mustafa Haji Daud (1996), pendidikan etika sepatutnya diberikan kepada masyarakat dan etika sesuatu yang perlu dipelajari.

Beberapa aspek seperti peningkatan kemahiran pengurusan dan pembangunan sumber manusia, analisis kajian menunjukkan etika profesional pengurusan usahawan adalah sederhana. Sewajarnya seseorang usahawan menyedari peri pentingnya kursus dan latihan dalam etika profesional mereka. Menurut Osman Ayub (1990) adalah penting seseorang mengikuti latihan dan kursus untuk meningkatkan profesionalisme.

Hasil kajian juga menunjukkan tidak banyak usahawan yang berusaha untuk mewujudkan kod etika bertulis di organisasi masing-masing. Daripada 48 responden yang terlibat dalam kajian lapangan yang dijalankan oleh mahasiswa hanya 3 responden bukan bumiputera sahaja yang memiliki kod etika masing-masing. Kebanyakan organisasi masih mengharapkan peraturan dan undang-undang sebagai wahana untuk mengawal disiplin pekerja. Walaupun etika tidak bertulis wujud dalam setiap organisasi tetapi terdapat juga contoh-contoh yang menunjukkan berlakunya kesilapan fahaman antara usahawan dan pekerjanya yang impaknya boleh membawa kerugian kepada usahawan.

Daripada segi penyelewengan etika walaupun kertas kerja ini tidak mengemukakan statistik tertentu dan dapatan adalah berdasarkan dengar cakap, tetapi penyelewengan yang dikemukakan dalam kertas kerja ini telah dilaporkan secara konsisten dalam laporan kajian lapangan tulisan yang dilaksanakan oleh mahasiswa kendalian penulis.

b) Cadangan

Daripada rumusan yang dikemukakan, beberapa cadangan difikirkan wajar dilaksanakan oleh usahawan untuk mewujudkan budaya etika profesional dalam pengurusan masing-masing. Antaranya ialah,

- a) Setiap usahawan sewajarnya menggubal kod etika bertulis di organisasi masing-masing. Kod etika hendaklah dicetak dan diedarkan kepada semua pekerja. Adalah perlu bagi setiap organisasi usahawan mempunyai kod etika masing-masing kerana budaya kerja, iklim dan matlamat sebuah organisasi adalah berbeza antara satu sama lain.
- b) Kursus-kursus berkaitan dengan etika sepatutnya dihadiri oleh usahawan dan pekerjanya selain daripada kursus-kursus yang berkaitan dengan kemahiran dan maklumat semasa. Pihak usahawan perlu menyediakan anggaran kos tersebut dalam belanjawan tahunannya.
- c) Kursus dan modul keusahawan yang digubal oleh institusi pendidikan atau Kementerian Pembangunan Usahawan hendaklah memasukkan tajuk etika profesional dalam sukatan yang disediakan.

c) Penutup

Hasil kajian mendapati kesedaran etika dalam pengurusan di kalangan usahawan yang menjadi subjek dalam analisis kajian lapangan yang dijalankan adalah tidak begitu membanggakan. Pada masa yang sama didapati aspek penyelewengan etika yang ditemui seolah-olah telah menjadi budaya mereka. Oleh itu adalah perlu satu usaha dijana secara holistik dan berintegrasi oleh masyarakat usahawan, masyarakat pengguna, penggubal dan pelaksana dasar serta pihak-pihak yang berkepentingan untuk meletakkan pengurusan usahawan ke landasan yang betul demi memacu ekonomi negara merentas globalisasi.

BILIOGRAFI

- Abdul Aziz Mohamed (1991). "Etika Kerja." Dalam Sheikh Ghazali Sheikh Abod(1991). Pengurusan Perniagaan Islam. Shah Alam: HISBI Sdn. Bhd..
- Abdul Sami' Al-Misri (1993). Perniagaan Dalam Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Sami' al-Misri (1993). Perniagaan Dalam Islam. Kuala Lumpur: DEB.
- Ahmad Khamis (1999). Etika (Pendidikan Moral) Untuk Institusi Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd..
- Aisyah Abdul Rahman, Liza Marwati Mohd. Yusoff dan Ahmad Raflis Che Omar (2001). "Pengurusan Tunai: Sektor Perusahaan Kecil." Kertas Kerja Di Seminar Persidangan Kebangsaan Pertama Keusahawanan Dan Perniagaan Kecil Anjuran UUM. 8-9 September.
- Azmi Abdul Manaf dan Sharmila Md. Sum (2001). "Pentingnya Pengurusan Strategik Kepada Usahawan Perniagaan Kecil." (2001). Kertas Kerja Di Seminar Persidangan Kebangsaan Pertama Keusahawanan Dan Perniagaan Kecil Anjuran UUM. 8-9 September.
- H. As. Mahmoodin (1994). Etika Bisnis Perbankan. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Jaafar Muhamad (1993). Asas Pengurusan Perniagaan. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jiwa Mohd. Isa (1991). "Etika Perniagaan." Dalam Sheikh Ghazali Sheikh Abod(1991). Pengurusan Perniagaan Islam. Shah Alam: HISBI Sdn. Bhd..
- Kementerian Pembangunan Usahawan. "Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat." <http://www.kpun.gov.my/sumber/index.htm>. Akses pada 19/9/2001
- Kementerian Pembangunan Usahawan. "Mengenal Kami." <http://www.kpun.gov.my/UMUM/Index.htm>. Akses pada 19/9/2001
- Kementerian Pembangunan Usahawan. "Teks Ucapan Perdana Menteri Di Majlis Pelancaran Perbadanan Usahawan Nasional (PUNB)." <http://www.kpun.gov.my/sumber/pmpunb.htm>. Akses pada 19/9/2001
- Kementerian Pembangunan Usahawan. "Teks Ucapan Perdana Menteri Di Majlis Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga." <http://www.kpun.gov.my/sumber/pmkongres.htm>. Akses pada 19/9/2001
- Lendell, K (1997). Management by Menu. Landon: Wiley and Sons Inco..
- Mohd. Janib Johari (1998). Teori, Aplikasi Dan Permasalahan. Skudai: UTM.
- Muhammad Shabri Abd. Majid (2001). "Produktiviti Mesti Berteraskan Etika Islam." Berita Harian. 12 September 2001. M.s. 26.
- Mustafa Haji Daud (1996). Etika Pengurusan. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd..
- Mustafa Haji Daud (1994). Pengurusan Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd..
- Mustafa Haji Daud (1994). Pekerjaan Dan Perusahaan Menurut Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd..
- Osman Ayub (1990). Etika Kerja Dan Profesionalisme Islam. Kuala Lumpur: Sabha-Famdev.
- Sobri Salamon (1989). Ekonomi Islam: Pengenalan Sistem Dan Kemungkinan. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.
- Utusan Malaysia (2001). "Teks Penuh Ucapan Presiden UMNO Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad." <http://www.utusan.com.my/utusan>. Akses pada 22/6/2001
- Yusuf Al-Qardawi (1996). Pengurusan Masa Menurut Islam (Terjemahan). Kuala Lumpur: Al-Hidayah.

BIODATA PENULIS

Nama : Ahmad bin Esa

Alamat: Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
Beg Berkunci 101
86400 Parit Raja, Batu Pahat
Johor.

E-mel : aneh98@hotmail

Telefon: 07-4546822

Faks : 07-4546090